

NO. SOALAN: 116

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 26 MEI 2016

RUJUKAN : 9076

SOALAN:

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah kes jenayah yang menggunakan senjata api dan bagaimana senjata berkenaan begitu mudah diperoleh atau boleh disalahgunakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) amat peka tentang apa jua situasi keselamatan dan ketenteraman awam yang berlaku dalam negara khususnya perlakuan jenayah yang melibatkan penggunaan senjata api. Umum mengetahui bahawa kebanyakan senjata api haram yang berada dalam negara dipercayai di seludup masuk ke negara.

Statistik kes pembunuhan dan cubaan membunuh yang melibatkan penggunaan senjata api yang berlaku di seluruh negara bagi tahun 2013 sehingga April 2016 adalah seperti berikut:-

| Tahun | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 (Jan-April) |
|---------------|------------|-----------|-----------|---------------------|
| Bunuh | 93 | 39 | 40 | 8 |
| Cuba Bunuh | 53 | 43 | 50 | 7 |
| JUMLAH | 146 | 82 | 90 | 15 |

Hasil daripada soal siasat dan risikan yang dijalankan oleh pihak polis, faktor yang mendorong pemilikan senjata api secara haram oleh penjenayah adalah seperti berikut:-

- i) Kaedah penyeludupan senjata api telah berubah daripada penyeludupan secara lengkap kini kepada menyeludup secara

"pieces by pieces" ke dalam negara ini dan dipasang semula dalam negara. Keadaan ini lebih menyukarkan pihak berkuasa untuk mengesan aktiviti berkenaan terutama senjata api bersaiz kecil seperti pistol walaupun kita mempunyai kawalan yang ketat di pintu-pintu masuk dan kawasan di sempadan. Pihak polis perlu mendapatkan maklumat dan risikan yang tepat bagi mengesan senjata api berkenaan. Keadaan ini memudahkan senjata api mudah dibawa masuk ke dalam negara;

- ii) Terdapat senjata api haram yang terapung di dalam negara yang disembunyikan oleh penjenayah-penjenayah yang ditangkap di bawah Ordinan Darurat (EO) dahulu atau yang telah bebas dari penjara dan telah digunakan semula oleh penjenayah berkenaan;**
- iii) Senjata api terpakai dari luar negara yang boleh dibeli dengan harga yang berpatutan telah meningkatkan keupayaan penjenayah membeli senjata api berkenaan. Di samping itu, aktiviti pengedaran dadah dalam kuantiti yang tertentu secara "pakej" akan di berikan senjata api atau bom tangan sebagai pelindung kepada sindiket; dan**
- iv) Terdapatnya aktiviti pembunuh upahan yang menyebabkan senjata api mendapat permintaan yang tinggi dan menarik minat sindiket untuk menyeludup senjata api ke dalam negara.**

Kementerian telah mengambil langkah proaktif bagi memperketatkan kawalan di sempadan dengan menubuhkan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) dengan mengabungkan agensi-agensi penguatkuasa di sempadan seperti Kastam Diraja Malaysia (KDRM),

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bekas anggota Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara supaya tindakan pencegahan dapat dilaksanakan dengan lebih holistik dan bersepadu bagi mengekang ancaman dari anasir luar serta aktiviti penyeludupan termasuk senjata api.